

Pelarian Cina Indonesia dan Pelarian Moro di Sabah: Penelitian dari Aspek Pensejarahan

*Indonesian Chinese and Moro refugees in Sabah: Research from the
perspective of Historiography*

Aizat Khairi
Universiti Kuala Lumpur
email: aizat@unikl.edu.my

Abstrak

Artikel ini membicarakan mengenai pensejarahan golongan pelarian yang berada di Malaysia dengan memberi fokus terhadap negeri Sabah. Sabah turut menjadi destinasi bagi golongan pelarian sama seperti di kawasan Semenanjung Malaysia. Namun, golongan pelarian di Sabah mempunyai perbezaan di antara golongan pelarian yang berada di Semenanjung Malaysia dari segi wilayah asal dan sosio-budayanya. Golongan pertama yang direkodkan menjadi pelarian di Sabah adalah pelarian Cina Indonesia pada awal tahun 1960an disebabkan dasar negara Indonesia yang menghalang taraf dwi kerakyatan serta konflik politik melibatkan Partai Komunis Indonesia dan Presiden Soekarno. Isu pelarian Cina di Sabah telah selesai disebabkan mereka telah berasimilasi dengan penduduk tempatan dan jumlah mereka tidak begitu ramai. Perkara ini tidak terjadi kepada pelarian Moro yang lari ke Sabah beberapa tahun kemudian disebabkan berlakunya konflik di antara pejuang pembebasan Moro dan kerajaan Filipina. Hal ini disebabkan kerajaan Filipina enggan mengiktiraf kedaulatan dan pemerintahan wilayah Islam bangsa Moro yang mempunyai identitinya yang tersendiri. Konflik peperangan ini menyebabkan orang Moro telah lari ke Sabah untuk menyelamatkan diri. Faktor-faktor yang menyebabkan pelarian Cina Indonesia dan pelarian Moro lari ke Sabah disebabkan keadaan geografi yang strategik seperti berdekatan dengan wilayah asal serta terdapat pulau-pulau yang membantu mereka untuk berehat dan berlindung dari tiupan angin kencang. Manakala faktor lain terhadap pelarian Moro yang mendorong mereka melarikan diri ke Sabah adalah mengenai sosio-budaya mereka yang mempunyai persaudaraan dari segi keturunan, budaya, agama dan bahasa dengan sebahagian penduduk tempatan Sabah khususnya di bahagian Pantai Timur. Sehingga kini pelarian Moro masih berada di Sabah disebabkan keadaan di wilayah asal mereka masih belum menemui damai secara mutlak. Walaupun kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri Sabah tidak mengiktiraf status mereka sebagai pelarian, namun atas dasar perikemanusiaan mereka diberikan dokumen pengenalan sementara yang dinamakan IMM13 yang membolehkan mereka tinggal di Sabah dan bekerja dalam sektor tidak formal untuk menyara hidup seharian.

Kata Kunci Konsep Pelarian, Sabah, Pelarian Cina Indonesia dan Pelarian Moro

Abstract

This article discuss about the refugees people who are residing in Malaysia, in particular Sabah state. Sabah is also as a destination for refugees like in Malaysia Peninsular. However, refugees in Sabah has the distinction between refugees who are residing in Malaysia Peninsular in terms of the country of origin and the socio-cultural. The first type is recorded as refugees in Sabah was the Indonesian Chinese which fled from Indonesia in the early of 1960s due to Indonesia's national policy to prevent dual citizenship status and political conflict involving the Communist Party of Indonesia and President Sukarno. The issue of Indonesian Chinese refugees in Sabah was resolved because they were assimilated by the locals and their population were not too much. This situation is does not happen to the Moro refugees who were fled to Sabah few years later due to conflicts between the Moro liberation movement and the Philippines government. The conflict emerge because the Philippines government refused to recognize the sovereignty and territorial of Bangsa Moro that has its own identity. The conflict happened caused many Bangsa Moro people fled to Sabah for escape. Besides, factors that influence the Indonesian Chinese refugees and Moro refugees fled to Sabah because of its strategic geographic situation as close to the country of origin and there are islands that helps them to take shelter from the storm. Nevertheless, other factors that made Moro refugees fled to Sabah is due to the socio-cultural matters like religion and language with some other locals in Sabah especially in parts of the East Coast. Until nowadays, Moro refugees are still in Sabah due to the situation in their place of origin has yet to find absolute peace. Although the federal government and the state government does not recognize their status as refugees, but they are given on humanitarian grounds while the so-called IMM 13 documents that allow them to stay in Sabah temporarily and work in the informal sector to help them survive.

Keywords The concept of Refugees, Sabah State, the Indonesian Chinese Refugees and the Moro Refugees.

PENGENALAN

Pelarian merupakan suatu isu yang masih berlangsung di dunia pada hari ini (Amnesty International, 2015). Hal ini terjadi disebabkan terjadinya konflik seperti perang di negara asal mahupun bencana alam. Mangsa-mangsa daripada situasi konflik tersebut tidak mempunyai pilihan selain daripada meninggalkan negara asal menuju ke destinasi tertentu demi keselamatan diri. Malaysia turut tidak terkecuali menjadi destinasi bagi orang pelarian (Azharudin dan Azlinariah, 2012). Walaupun pada ketika ini golongan pelarian menjadikan Semenanjung Malaysia sebagai destinasi mereka untuk menyelamatkan diri, namun Sabah yang terletak di bahagian Malaysia Timur (Kepulauan Borneo) turut sama menerima kehadiran golongan pelarian. Di samping itu, golongan pelarian yang berada di Sabah mempunyai perbezaan dengan golongan pelarian yang berada di Semenanjung dari segi wilayah asal dan sosio-budayanya.

Justeru artikel ini membincangkan mengenai pensejarahan kedatangan golongan pelarian di bahagian Malaysia Timur dengan memberi fokus terhadap negeri Sabah. Perbincangan ini dimulakan dengan membincangkan konsep pelarian dan juga mengenai keadaan pelarian secara umum di Malaysia dari segi statistik terkini. Kemudian, perbincangan ini diteruskan dengan menerangkan latar belakang pembentukan negeri Sabah secara umum disebabkan keadaan negeri tersebut turut mempengaruhi kedatangan golongan pelarian berdasarkan perspektif geografi dan sosiobudaya. Seterusnya perbincangan ini ditumpukan pada latar belakang golongan pelarian yang lari ke Sabah, punca yang menyebabkan mereka lari ke Sabah dan proses pergerakannya.

KONSEP PELARIAN

Konsep umum mengenai pelarian di peringkat antarabangsa telah ditakrifkan oleh *United Nations High Commission for Refugees (UNHCR)*, sebuah badan antarabangsa yang bernaung di bawah Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB). Menurut UNHCR (2014) pelarian boleh diistilahkan golongan yang lari meninggalkan negara asalnya disebabkan berlakunya pencabulan hak asasi manusia, perang dan bencana alam. Manakala, definisi pelarian daripada perspektif undang-undang antarabangsa dijelaskan oleh Artikel 1 dalam Konvensyen Pelarian 1951 iaitu;

“Any person who owing to well-founded fear of being persecuted for reasons of race, religion, nationality, membership of a particular social group or political opinion, is outside the country of his nationality and is unable or, owing to such fear, is unwilling to avail himself of the protection of that country; ...”

(Konvensyen Geneva, 1951)

Walaupun bagaimanapun, definisi ini diperluaskan lagi dengan wujudnya Protokol 1967 berkaitan orang pelarian yang menghapuskan halangan geografi dalam mentakrifkan istilah pelarian yang sebelum ini digunakan terhadap pelarian di Eropah sahaja (Guy Goodwin-Gill, 1978). Selain itu, terdapat hujahan oleh golongan akademik yang memberi fokus terhadap bidang ilmu pelarian seperti Shoemith (2000) yang menjelaskan pelarian sebagai *“people who are involuntary and fairly abruptly obliged to quit their homes and seek asylum from economic and environmental as well as political calamities”*. Ahli akademik tempatan seperti Bahrin dan Rachangan (1984) turut memberi definisi pelarian iaitu ‘pelarian merupakan mangsa daripada politik kekerasan yang menyebabkan mereka terpaksa lari melintasi sempadan negara asalnya dan kadang-kala pergerakan mereka melebihi satu negara’. Lazimnya mereka bergerak dalam keadaan yang sesak dengan jumlah yang banyak.

Berdasarkan definisi dan takrifan di atas, dapat difahami bahawa pelarian adalah merujuk kepada seseorang individu atau kumpulan tertentu yang terpaksa lari menyelamatkan diri dengan meninggalkan tempat tinggal asal kerana hak asasi mereka telah dinafikan oleh golongan pemerintah atau kumpulan tertentu. Seterusnya mereka lari ke suatu destinasi yang difikirkan selamat demi kelangsungan hidup. Walaupun mereka berjaya melarikan diri dan sampai ke destinasi tertentu, ia bukan jaminan bahawa

keadaan hidup mereka bertambah baik. Hal yang demikian ini kerana secara kebiasaannya mereka terpaksa menempuh halangan hidup yang lebih mencabar di tempat baru (Izaddin, Hutchinson & Maltby, 2014).

Pelarian di Malaysia

Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Pejabat Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu bagi Orang Pelarian cawangan Malaysia yang terletak di Kuala Lumpur melaporkan pada akhir Ogos tahun 2015, seramai 153,880 pelarian berdaftar dengan pejabat ini. Berdasarkan jumlah pelarian ini, seramai 143,050 pelarian adalah berasal dari negara Myanmar terdiri daripada etnik Rohingya (48,800), etnik Chin (48,310), Muslim Burma (12,290) dan Etnik Rakhine (7,180). Selain itu, terdapat sejumlah golongan pelarian yang berasal dari luar rantau wilayah Asia Tenggara seperti pelarian dari Sri Lanka (3,610), Pakistan (1,230), Somalia (1,100), Syria (970), Iraq (860), Iran (490), Palestin (490) dan lain-lain lagi. Seramai 57% golongan pelarian terdiri daripada lelaki manakala 43% adalah merupakan golongan wanita. Di samping itu, terdapat juga pelarian yang terdiri daripada golongan kanak-kanak yang berumur di bawah 18 tahun seramai 33,710 orang (UNHCR Malaysia, 2015).

Berdasarkan bilangan pelarian yang dinyatakan, ia merujuk kepada golongan pelarian di Semenanjung Malaysia sahaja (Malaysia Barat) tanpa melibatkan jumlah pelarian di bahagian Malaysia Timur khususnya negeri Sabah. Namun demikian, berdasarkan kajian Bahrin & Rachagan (1984) serta Ubong Imang & Azizah Kassim (2005), Sabah turut tidak terkecuali menjadi salah sebuah negeri di Malaysia yang menjadi destinasi bagi orang pelarian untuk mendapatkan perlindungan.

Sejarah Pelarian di Sabah

Berdasarkan latar belakang negeri Sabah, ia merupakan negeri yang kedua terbesar di Malaysia selepas Sarawak (Oi Yee, 2014). Pada suatu masa dahulu Sabah telah dikenali sebagai Borneo Utara dan wilayah ini adalah tertakluk di bawah pemerintahan Kesultanan Brunei (Saunders, 2002). Namun, menurut Muhammad (1988) wilayah Borneo Utara telah diserahkan kepada Kesultanan Sulu atas jasa baik memberi bantuan terhadap Sultan Brunei melawan pemberontakan dalaman. Kemudian, Borneo Utara telah menjadi naungan kepada Syarikat Berpiagam Borneo Utara British (British North Borneo Chartered Company) pada tahun 1881 daripada Kesultanan Sulu sehingga tahun 1946 (Gould, 1969). Seterusnya, ia telah diserahkan kepada British dan menjadi tanah jajahan sehingga ia mencapai kemerdekaannya pada 31 Ogos 1963 lalu menyertai Persekutuan Tanah Melayu bersama-sama Singapura dan Sarawak untuk membentuk Malaysia pada 16 September 1963, tetapi Singapura telah keluar daripada Persekutuan Malaysia pada tahun 1965 (Chang, 1988).

Sabah menjadi satu-satunya negeri di wilayah Malaysia Timur yang menjadi destinasi golongan pelarian disebabkan tidak pernah direkodkan mengenai kedatangan golongan pelarian ke Sarawak (Aizat Khairi, 2012). Terdapat dua golongan pelarian yang menjadikan Sabah sebagai destinasi mereka iaitu Pelarian Cina Indonesia dan Pelarian Moro dari Selatan Filipina.

Pensejarahan Pelarian Cina Indonesia

Menurut Wilfred Tangau (2010), golongan pelarian yang pertama memasuki Sabah adalah golongan pelarian Cina yang berasal dari Indonesia yang lari sewaktu era konfrotasi pada tahun 1962. Pelarian Indonesia yang majoritinya terdiri daripada kaum Cina ini terpaksa melarikan diri kerana nyawa mereka dalam keadaan yang bahaya disebabkan golongan ini dianggap sebagai agen pencetus huru-hara di Indonesia serta cuba untuk merampas kuasa politik daripada kerajaan Indonesia (Weinstein, 2009). Anggaran mengenai jumlah pelarian ini kira-kira 3,000 hingga 4,000 orang dan mereka lari ke Malaysia menerusi Tawau, Sabah setelah melarikan diri dari Pulau Sumatera dan Pulau Jawa (Aizat Khairi, 2012).

Berdasarkan aspek sejarah, terdapat dua faktor utama yang menyebabkan golongan Cina Indonesia menjadi pelarian (Suyatno, 2011). Faktor yang pertama adalah berpunca daripada keputusan Presiden Indonesia pada ketika itu iaitu Soekarno yang telah mencipta dasar untuk menghapuskan sistem dwi kerakyatan di Indonesia (Louise, 1997). Oleh yang demikian, golongan Cina Indonesia yang tidak menyokong dan tidak dapat menerima dasar yang dilaksanakan oleh Presiden Soekarno ini telah pulang ke negara asal atau ke negara jiran Indonesia untuk meneruskan kelangsungan hidup. Mereka terpaksa lari

keluar dari Indonesia kerana mereka akan ditangkap dan dihukum oleh pihak berkuasa Indonesia sekiranya masih berpegang kepada sistem dwi kerakyatan (Helen, 2007).

Faktor kedua adalah ketika berlakunya era konfrontasi antara Malaysia dan Indonesia yang bermula pada tahun 1962 hingga 1966 (Harold & Denis, 1971). Peristiwa ini terjadi sewaktu zaman pemerintahan oleh Presiden Soekarno selaku Presiden Pertama Indonesia yang sangat anti kepada Barat. Menurut Gabriel Tan (2008), Soekarno mengimpikan untuk mewujudkan satu identiti bagi bangsa Indonesia iaitu bangsa yang menolak campur tangan Barat atau kuasa luar. Tetapi, walaupun era penjajahan sudah tamat ketika itu namun perkara ini tidak mendatangkan kegembiraan bagi Soekarno kerana pada ketika itu beliau beranggapan telah wujud suatu bentuk baru penjajahan yang digelar sebagai neokolonialisme iaitu penjajahan yang berteraskan ideologi atau pemikiran (Legge, 2003).

Bagi menentang neokolonialisme, maka Soekarno telah menubuhkan gerakan anti kolonialisme setelah mendakwa penggabungan Sabah dan Sarawak bersama-sama Persekutuan Tanah Melayu dan Singapura yang membentuk kerajaan Persekutuan Malaysia pada tahun 1963 adalah merupakan suatu bentuk baru penjajahan oleh kerajaan British untuk menjajah Malaysia dan juga seluruh Nusantara (John, 2000). Tetapi, Abu Bakar (1978) menjelaskan antara sebab lain juga adalah kerana Soekarno bimbang terhadap penggabungan tersebut kerana berpontensi memberi implikasi yang negatif terhadap pentadbiran Indonesia di Kalimantan. Hal yang demikian ini kerana beliau tidak menolak kemungkinan Kalimantan juga akan dirampas oleh British jika sebarang tiada sebarang perancangan dan tindakan dilakukan oleh Indonesia untuk mempertahankannya. Sudut pandang pemikiran Presiden Soekarno ini dipengaruhi oleh dasar luar Indonesia yang mempunyai hubungan diplomatik dengan negara Soviet dan China yang berideologi Komunis (John David, 2003). Oleh sebab itu, Soekarno sangat rapat hubungannya dengan Partai Komunis Indonesia (PKI). Walaupun beliau bukannya ahli PKI, namun dasar luarnya sangat dipengaruhi oleh PKI.

Hubungan politik Presiden Soekarno dengan PKI adalah sangat akrab disebabkan pada ketika itu ia merupakan parti yang sangat kukuh di Indonesia. Namun begitu, pada masa yang sama terdapat dua lagi parti politik terbesar di Indonesia yang turut bersaing dengan PKI. Pertama adalah Partai Islam Masyumi dan Partai Nasionalis Indonesia (PNI) yang dipimpin oleh Soekarno. Warjio (2011) menjelaskan bahawa Partai Majelis Syuro Muslimin Indonesia atau Partai Masyumi merupakan parti politik yang ditubuhkan pada 7 November 1945. Ia adalah hasil daripada Kongres Umat Islam Indonesia yang berlangsung pada 7 hingga 8 November 1945. Matlamat parti ini ditubuhkan adalah bagi menyatupadukan umat Islam menerusi politik. Tetapi parti ini dibubarkan pada tahun 1960 oleh Soekarno kerana pemimpinnya disyaki terlibat dalam pemberontakan Pemerintahan Revolusi Republik Indonesia (PRRI). Manakala PNI ditubuhkan pada 4 Julai 1927 di Bandung oleh golongan mahasiswa dan ia merupakan parti politik yang tertua di Indonesia (Rusli, 1983). Pemimpin utamanya adalah Soekarno merangkap Presiden Indonesia yang pertama setelah mendapatkan kemerdekaan dari Belanda pada tahun 1945.

Sungguhpun begitu, malangnya bagi kedua-dua parti yang menjadi pesaing kepada PKI kerana ia mengalami masalah dalaman yang mengakibatkan berlakunya perpecahan dan akhirnya cuma tinggal PKI sahaja sebagai sebuah parti yang kukuh di Indonesia (Peter, 1987). Walau bagaimanapun, kekuatan politik PKI hanya mampu dicabar oleh Tentera Nasional Indonesia (TNI) menerusi Angkatan Darat (AD). Perjuangan politik PKI akhirnya lumpuh setelah berlakunya suatu tragedi yang dinamakan sebagai Gerakan September 1970 atau Gestapu 30. Gestapu 30 merupakan suatu gerakan yang dilakukan oleh PKI untuk melakukan rampasan kuasa politik di Indonesia. Mereka juga cuba menjadikan AD sebagai kambing hitam terhadap huru-hara politik yang berlaku (John, 2002).

Suasana politik di Indonesia ketika itu berada dalam kekacauan kerana berlakunya konflik antara PKI dengan rakyat Indonesia. PKI dianggap bersalah atas rampasan kuasa yang dilakukan semasa era Sukarno tersebut. Pada ketika itu juga, AD dijulang sebagai wira negara berdasarkan peristiwa pembunuhan 6 orang jeneral kanan AD beserta beberapa orang pembantu mereka yang dilakukan oleh PKI dan hanya seorang jeneral sahaja yang terselamat iaitu Jeneral Abdul Harris Nasution yang sempat melarikan diri dan pihak yang ingin membunuhnya kerana mereka tersilap menculik pembantunya yang disangkakan Jeneral Nasution (Ariel, 2006). Peristiwa pembunuhan dalam Gestapu 30 ini telah dilakukan oleh Pasukan Pengawal Presiden yang diketuai oleh Cakrabirawa. Beliau adalah berideologi Komunis dan pada masa itu tentera dibenarkan mempunyai fahaman politik masing-masing. Cakrabirawa juga mengumumkan akan sokongannya terhadap PKI yang diketuai oleh Dipa Nusantara Aidit (John, 2006). Oleh itu, PKI telah dianggap oleh rakyat Indonesia sebagai pencetus suasana huru-hara di Indonesia. Walaupun terdapat

pelbagai teori dan pandangan yang mengatakan peristiwa ini merupakan sebuah konspirasi dan mainan politik, tetapi sejarah yang ditulis masih belum berubah. Sehingga kini apa yang dicatatkan dalam sejarah Indonesia berkaitan peristiwa ini adalah PKI cuba melakukan rampasan kuasa di tahun 1965 (Aizat Khairi, 2012).

Walau bagaimanapun kajian mengenai peristiwa ini masih dijalankan untuk mengetahui adakah sejarah yang tertulis ini adalah benar atau merupakan peristiwa yang direka-reka oleh pihak tentera (Peter & Jeffrey, 1996). Peristiwa ini juga berkait rapat dengan perjalanan politik Soeharto yang kemudian menjadi Presiden Indonesia yang kedua kerana beliau naik menjadi presiden disebabkan mempunyai motif untuk menyelamatkan negara daripada rampasan komunis dan Amerika Syarikat juga memberikan sokongan penuh kerana tidak mahu Indonesia jatuh ke tangan komunis (Jonathan & Adam, 1999). Soeharto ketika di bawah pemerintahan Presiden Soekarno merupakan Panglima Komando Strategik Angkatan Darat, salah satu cabang organisasi AD.

Kesan daripada peristiwa Gestapu 30, maka timbulnya balas dendam oleh rakyat Indonesia ke atas PKI. Justeru, sesiapa yang dicurigai sebagai ahli PKI atau individu yang mempunyai ideologi komunis akan ditangkap, diseksa dan dibunuh oleh rejim tentera yang digerakkan oleh Jeneral Soeharto. Dianggarkan puluhan ribu orang yang kebanyakannya orang Cina telah dibunuh akibat disyaki sebagai ahli PKI atau memberi sokongan kepada PKI. Kesan daripada peristiwa ini, mereka yang berasa takut akan diburu oleh tentera dan rakyat Indonesia terpaksa melarikan diri keluar dari Indonesia (Marcus, 2006).

Apabila terdapat pelarian dari Indonesia yang menjadikan Sabah sebagai destinasi untuk mendapatkan perlindungan, kerajaan Malaysia membenarkan golongan pelarian ini tinggal di Sabah dan mereka juga diberikan kad pengenalan pelarian yang dikenali sebagai IMM13 (Azizah & Ubong Imang, 2005). IMM13 merupakan singkatan daripada dokumen imigresen bernombor 13 yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Sabah setelah mendapat arahan daripada kerajaan negeri Sabah ketika itu yang berunding dengan kerajaan persekutuan dalam usaha untuk membezakan golongan pelarian dengan buruh asing dan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) di Sabah (Junaidi, 2005). Jabatan Imigresen Sabah diletakkan di bawah kuasa kerajaan negeri Sabah berlandaskan undang-undang Malaysia dalam Akta Imigresen yang mempunyai peruntukan khas bagi Malaysia Timur yang membenarkan kerajaan negeri Sabah dan Sarawak mengawal hal-hal keimigrasian negeri masing-masing (Akta Imigresen, 2005).

Pelarian Indonesia ini menetap di Sabah dan kini masalah mereka telah dianggap selesai disebabkan generasi yang terkemudian menjadi warganegara Malaysia yang sah setelah golongan ini tidak mahu pulang kembali ke Indonesia dan juga telah beranak-pinak di Malaysia. Pada hari ini golongan ini sangat sukar dikesan kerana majoritinya telah meninggal dunia dan keturunan mereka telah berpindah dan berhijrah ke tempat lain atas alasan seperti ekonomi dan perniagaan. Oleh yang demikian, golongan pelarian ini boleh dikatakan kayu ukur bagi mengetahui sejarah pelarian di Malaysia Timur khususnya di Sabah (Aizat Khairi, 2012).

Pensejarahan Pelarian Moro

Setelah kehadiran pelarian Indonesia ini di Sabah, terdapat pula pelarian lain yang lari ke Sabah bagi menyelamatkan nyawa dan keluarga mereka. Golongan ini merupakan pelarian yang berasal dari Filipina dan mereka dikenali sebagai pelarian Moro. Orang Moro mendiami pulau-pulau di Selatan Filipina seperti Sulu, Jolo, Basilan, Tawi-tawi dan Palawan serta pulau-pulau kecil yang lain (Majul, 1985). Manakala kawasan majoriti penduduk Islam Moro adalah terletak di Pulau Mindanao iaitu Pulau yang terbesar di Selatan Filipina. Dari segi pegangan agama, hampir kesemuanya adalah beragama Islam dan mereka merupakan masyarakat minoriti di Filipina yang majoriti rakyatnya adalah beragama Kristian (Wan Kadir, 1990).

Pada suatu ketika dahulu orang Moro mempunyai pemerintahannya sendiri yang berteraskan pemerintahan Islam (Zaide, 1978). Tetapi, hak mereka dalam menentukan nasib sendiri dinafikan oleh penjajah. Kesannya, wilayah pemerintahan orang Moro dimasukkan ke dalam pemerintahan negara Filipina yang berpusat di Manila apabila Filipina memperoleh kemerdekaannya daripada Amerika Syarikat. Orang Moro menggelarkan diri mereka sebagai Bangsa Moro iaitu istilah 'bangsa' merujuk kepada kaum atau etnik dalam Bahasa Melayu, manakala Moro merupakan istilah yang diberikan oleh Orang Sepanyol sewaktu menjajah Filipina (Santos, 2001). Penjajah Sepanyol telah memulakan proses penjajahan dan penyebaran Agama Kristian bermula dari arah Utara menuju ke Selatan. Tetapi, Agama Kristian hanya berjaya disebarkan di seluruh Filipina kecuali Bahagian Selatan di mana terletaknya lokasi penduduk Islam tempatan yang di panggil Bangsa Moro (Majul, 1998).

Menurut Datuan Magon (2008), Bangsa Moro terdiri daripada 13 sub-etnik iaitu etnik Kalagan, Sangil, Maguindanao, Iranun, Maranao, Kolibugan, Yakan, Tausug atau Suluk, Sama, Badjao atau Bajau, Jama Mapun, Palawan dan Molbog. Bangsa Moro merupakan golongan yang kuat menentang penjajah yang cuba memerintah mereka serta menyebarkan fahaman Kristian, namun pihak penjajah tidak pernah berjaya menakluki mereka (Asreemoro, 2008). Penjajah terkemudian iaitu Amerika Syarikat (AS) juga berkeinginan menakluki wilayah yang dikuasai oleh Bangsa Moro dan berlangsungnya siri peperangan antara keduanya.

Perang antara Bangsa Moro dengan pihak penjajah berterusan dari tahun 1902 sehinggalah terjadinya Perang Dunia Pertama. Pada era Perang Dunia Kedua, Filipina telah dijajah oleh Jepun dan Bangsa Moro masih meneruskan penentangan mereka terhadap penjajah yang baru ini sehinggalah Filipina berjaya mendapatkan kemerdekaan pada 4 Julai 1946 (Mahbub, 1975). Kemerdekaan Filipina diberikan oleh AS dan wilayah Bangsa Moro di Bahagian Selatan juga digabungkan sekali menjadi sebuah kerajaan republik yang berpusat di Manila, Kepulauan Luzon. Perkara ini mengundang perasaan marah dan tidak puas hati Bangsa Moro terhadap kerajaan AS dan Filipina kerana mereka percaya bahawa mereka tidak pernah dijajah. Justeru, wujudnya konflik peperangan antara Bangsa Moro dengan kerajaan Filipina (Antonio, 1968). Konflik yang berlangsung di Selatan Filipina sejak zaman penjajahan Sepanyol sehinggalah konflik dengan kerajaan Filipina mengakibatkan wilayah Bangsa Moro masih belum menemui damai secara menyeluruh (Kamarulzaman & Ayesah, 2005). Situasi konflik ini menyebabkan Bangsa Moro terpaksa melarikan diri ke kawasan yang difikirkan selamat dan Sabah atau Borneo Utara menjadi destinasi utama mereka.

Terdapat dua faktor utama yang menyebabkan pelarian Moro ke Sabah iaitu pertama ialah disebabkan faktor geografi yakni merujuk kepada keadaan muka bumi di antara Selatan Filipina dan Sabah. Jarak antara kepulauan di selatan Filipina yang didiami oleh Bangsa Moro dengan Sabah adalah tidak terlalu jauh. Tambahan pula, terdapat pulau-pulau kecil yang boleh menjadi kawasan persinggahan untuk mereka berehat, berlindung dari tiupan angin kencang dan ombak yang bergelora, mendapatkan bekalan makanan dan membaiki kerosakan kapal. Tambahan pula, kawasan pesisiran pantai Sabah yang luas memudahkan lagi mereka untuk datang ke sini (Azizah & Ubong, 2005). Faktor kedua pula ialah berkaitan dengan sosio-budaya yang merujuk kepada hubungan kekeluargaan yang telah lama terjalin antara penduduk Sabah yang mendiami di kawasan Pantai Timur dengan Bangsa Moro. Kesan daripada cara hidup, adat, budaya dan agama yang mempunyai persamaan antara sebahagian penduduk Sabah mendorong mereka untuk lari ke sini apabila berlakunya konflik (Aizat Khairi, 2012). Menurut Azizah Kassim (2009) terdapat empat kategori kedatangan Bangsa Moro ke Sabah iaitu:

- i. Penghijrah merentas sempadan sebelum dan semasa era pemerintahan British di Sabah.
- ii. Mereka yang datang sejak tertubuhnya Malaysia.
- iii. Mereka yang melarikan diri ekoran kekacauan di Selatan Filipina dari tahun 1971 sehingga tahun 1983.
- iv. Mereka yang terus datang selepas tahun 1983.

Oleh sebab itu, pelarian Moro melarikan diri ke Sabah disebabkan Sabah mempunyai hubungan kekeluargaan dan persaudaraan dengan mereka kerana terdapat penduduk Sabah yang menjadi rakyat Malaysia adalah besurur galur daripada keturunan Bangsa Moro yang tinggal di Selatan Filipina. Akibat cara hidup, adat, budaya dan agama yang mempunyai persamaan antara sebahagian penduduk Sabah mendorong mereka untuk lari ke sini apabila berlakunya konflik.

Situasi pelarian Moro terjadi apabila berlakunya perang di antara Moro National Liberation Front (MNLF) yang dipimpin oleh Nur Misuari dengan kerajaan Filipina. Walau bagaimanapun, fenomena kebanjiran pelarian Moro ke Sabah terjadi apabila Presiden Filipina iaitu Marcos mengisytiharkan Martial Law pada 21 September 1972 iaitu sebuah pemerintahan darurat dalam usaha memerangi pejuang pembebasan di Selatan Filipina (De Silva, 2004). Kesannya, dianggarkan 90,000 hingga 100,000 orang Moro telah menjadi pelarian dan lari ke Sabah untuk menyelamatkan diri (Aizat Khairi, 2012).

Lokasi yang menjadi tumpuan pendaratan bagi golongan pelarian Moro ini adalah di bahagian Pantai Timur Sabah seperti di Tawau, Sandakan dan Semporna serta kawasan lain seperti Lahad Datu, Labuan dan di pulau-pulau sekitar Kota Kinabalu. Tempoh perjalanan setiap kawasan adalah berbeza mengikut jarak, misalnya perjalanan dari Zamboanga yang terletak di bahagian Selatan Pulau Mindanao ke

Pulau Labuan mengambil masa kira-kira dua hari satu malam tanpa henti menggunakan bot. Manakala dari Zamboanga ke Sandakan perjalanannya adalah satu hari satu malam. Kesemua pelarian Moro menggunakan jalan laut yang merupakan laluan turun temurun sejak zaman dahulu lagi dan ia merupakan satu-satunya alternatif yang ada untuk ke Sabah disebabkan lokasi antara kawasan ini dipisahkan oleh laut (Aizat Khairi, 2012).

Berdasarkan kajian Azizah Kassim dan Ubong Imang (2005), bilangan pelarian Moro di Sabah sukar ditentukan disebabkan beberapa faktor iaitu pertama sebahagian daripada mereka telah pulang ke negara asal apabila merasakan situasi konflik di sana mulai reda. Kedua, ada di kalangan mereka gagal mendaftarkan diri sebagai pelarian dengan pihak berkuasa akibat perasaan takut dan tidak mendapat maklumat yang secukupnya. Ketiga, terdapat juga golongan pelarian yang sudah berumur kerana situasi pelarian ini telah berlaku sejak 40 tahun yang lalu dan sudah tentu ada di antara mereka yang telah tua dan meninggal dunia. Keempat, ada di antara mereka yang mendapat status baru selain pelarian. Misalnya mendapat taraf penduduk tetap dan ada juga yang berjaya mendapat status sebagai warganegara Malaysia setelah melalui proses-proses tertentu.

RUMUSAN

Sehingga kini masih terdapat golongan pelarian yang berada di Sabah. Pergolakan dan konflik yang berlaku di negara asal telah memaksa mereka meninggalkan kampung halaman untuk menyelamatkan diri. Di samping itu, faktor-faktor seperti geografi dan sosio-budaya telah mendorong golongan pelarian khususnya pelarian Cina Indonesia dan juga pelarian Moro untuk lari ke Sabah. Namun begitu, isu mengenai pelarian Cina Indonesia boleh dikatakan selesai disebabkan jumlah mereka adalah tidak begitu ramai dan telah berasimilasi dengan penduduk tempatan.

Walau bagaimanapun, masalah bagi pelarian Moro belum menemui jalan penyelesaiannya yang mutlak disebabkan beberapa faktor iaitu kedamaian di Bumi Mindanao masih lagi berada dalam kancas konflik antara kerajaan Filipina dengan *Moro Islamic Liberation Front (MILF)* yang menggantikan perjuangan MNLF. Di samping itu, bilangan pelarian Moro yang ramai telah menyukarkan kerajaan negeri Sabah dan kerajaan Persekutuan untuk menyalurkan bantuan disebabkan kos yang tinggi. Tambahan pula, dasar kerajaan Persekutuan adalah tidak mengiktiraf golongan pelarian atas dasar keselamatan dan kedaulatan negara. Selain itu, kehadiran golongan pelarian Moro di Sabah juga tidak disenangi oleh sebahagian penduduk tempatan disebabkan perbezaan budaya, agama dan bahasa.

Tetapi, melalui pemberian kad IMM13 terhadap golongan pelarian Moro, ia sedikit sebanyak membantu mereka meneruskan kelangsungan hidup di Sabah kerana dengan memiliki dokumen ini golongan pelarian Moro dibenarkan untuk tinggal di mana-mana kawasan di negeri Sabah serta boleh bekerja dalam sektor tidak formal seperti pembantu kedai, tukang sapu dan sebagainya untuk menyara hidup seharian. Tambahan pula, walaupun kerajaan Persekutuan tidak mengiktiraf dari segi dasar mengenai status pelarian namun kerajaan Persekutuan dengan kerjasama kerajaan negeri berusaha memantau golongan ini dan cuba membantu apa-apa keperluan yang boleh disumbangkan terhadap pelarian Moro atas prinsip-prinsip kemanusiaan. Nasib pelarian Moro berada dalam keadaan ketidakpastian disebabkan status kehidupan yang tidak jelas di Sabah serta keadaan konflik yang belum menemui damai secara mutlak di negara asal.

BIBLIOGRAFI

- Amnesty International. (2015). *The global refugee crisis: A conspiracy of neglect*. London: Amnesty International.
- Askandar, K & Abu Bakar, A. (2005). *The Mindanao conflict*. Penang: Southeast Asia Conflict Study Network (SEACSN).
- Asreemoro. (2007). *Tausug dan Kesultanan Sulu*. Selangor: RNH Marketing Sdn. Bhd.
- Aziz, I. A., Hutchinson, C. V. & Maltby, J. (2014). *Quality of life of Syrian refugees living in camps in the Kurdistan region of Iraq*. University of Leicester Press.
- Bahrin, T.S. & Rachagan, S. (1984). *The status of displaced Filipinos in Sabah: Some policy considerations and their long term implications*. Singapore: Institute of South East Asian Studies.
- Cesar, A. M. (1998). *Islam di Filipina*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Che Man, W. K. (1990). *Muslim Separatism: The Moros of Southern Phillipines and the Malays of Southern Thailand*. Singapore: Oxford University Press.

- Dennis, P. & Grey, J. (1996). *Emergency and confrontation: Australian Military Operations in Malaya and Borneo, 1950-66*. St. Leonards: Allen & Unwin.
- Dennis, S. (2000). *Refugees and regional politics: The dynamics of refugees flows in Mainland Southeast*. Singapore: Institute of South East Asian Studies.
- Edman, P. (1987). *"Communism a la Aidit": The Indonesian Communist Party under D.N. Aidit, 1950-1965*. Queensland: Centre for Southeast Asian Studies, James Cook University of North Queensland.
- Gill, G. (1978). *International law and the movement of persons between states*. Oxford: Clarendon Press.
- Gould, J. W. (1969). *The United States and Malaysia*. Harvard University Press.
- Graham E. Saunders. (2002). *A history of Brunei*. Routledge Curzon.
- Gregorio, F. Z. (1978). *Sejarah politik dan kebudayaan Filipina*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harold, J. & Denis, S. S. (1971). *The undeclared war: The story of the Indonesian Confrontation, 1962-1966*. Singapore: Asia Pacific Press.
- Heryanto, A. (2006). *State terrorism and political identity in Indonesia: Fatally belonging*. New York: Routledge.
- Hughes, J. (2002). *The end of Sukarno – A coup that misfired: A purge that ran wild*. Singapore: Archipelago Press.
- Isidro, A. (1968). *Muslim Philippines*. Mindanao: University Research Center Mindanao State University.
- John, S. (2000). *Confronting Sukarno: British, American, Australian and New Zealand diplomacy in the Malaysian-Indonesian confrontation, 1961*. Hampshire: Macmillan.
- Karim, M. R. (1983). *Perjalanan Partai Politik di Indonesia: Sebuah potret pasang-surut*. Jakarta: C.V. Rajawali.
- Kassim, A. & Imang, U. (2005). Orang pelarian di Sabah: Status dan prospek. *Journal of State Responses to the Presence and Employment of Foreign Workers in Sabah*. Special Issue. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Kassim, A. (2009). *Filipino refugees in Sabah: State responses, public stereotypes and the dilemma over their future*. Tokyo: Southeast Asian Studies Centre.
- Khairi, A. (2012). *Penanganan masalah pelarian di Malaysia dalam konteks keselamatan insan: Kajian kes ke atas Pelarian Moro dan Rohingya*. Tesis Master. Universiti Sains Malaysia.
- Laruwa, J. (2005). *Orang pelarian di Kampung Selamat, Semporna: Satu tinjauan etnografi*. Latihan Ilmiah. Sekolah Sains Sosial, Universiti Malaysia Sabah.
- Legge, J. D. (2003). *Sukarno: A political biography*. Singapore: Archipelago Press.
- Louise, L. (1997). *Sukarno and the Indonesian Coup: The untold story*. Westport: Praeger Security International.
- Magon, D.M. (2008). *A study on the assertion of Bangsamoro rights to self determination*. M.A. Thesis. University of the Philippines, Diliman.
- Mahbub, D. (1975). *Pergolakan ummat Islam di Filipina Selatan*. Bandung: PT Alma"arif.
- Majul, C.A. (1985). *The contemporary Muslim movement in the Philippines*. Berkeley: Mizan Press.
- Maureen, D. S. (2004). *Gereja dan kejatuhan Marcos*. Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Mohamed, D. A, & Abdullah, A. (2012). *Air mata kesengsaraan Rohingya: Identiti, penindasan dan pelarian*. Kuala Lumpur: Inteam Publishing.
- Muhammad, A. B. (1978). *The escalation of confronts (June-September 1964): Malaysia's response to Indonesia's Confrontation Policy in the Aftermath*. Kertas Seminar Jabatan No. 2. Universiti Malaya.
- Paris, J. & Schwarz, A. (1999). *The Politics of Post-Suharto Indonesia*. New York: Raffles Editions.
- Roosa, J. (2006). *Pretext for Mass Murder: The September 30th Movement and Suharto's Coup d'État in Indonesia*. Madison, Wisconsin: The University of Wisconsin Press.
- Soliman, M. S. Jr. (2001). *The Moro Islamic Challenge: Constitutional Rethinking for the Mindanao Peace Process*. Quezon City: University of the Philippines Press.
- Suyatno. (2011). *Dinamik Demokrasi Tempatan di Indonesia: Kajian Demokrasi Tempatan di Kota Yogyakarta Dan Kabupaten Jembrana, Bali*. PhD Tesis. Universiti Sains Malaysia.
- Tan, G. S. H. (2008). *Indonesian Confrontation and Sarawak Communist Insurgency 1963-1966*. Kuching: Penerbitan Sehati.
- Undang-undang Malaysia. (2005). *Undang-undang Malaysia mengenai Akta Imigresen dan peraturan-peraturan termasuk Akta Pasport, semua pindaan hingga Januari 2005*. Kuala Lumpur: MDC Publisher Sdn. Bhd.
- UNHCR. (2001). *UNHCR: Refugee protection: A Guide to International Refugee Law*. Geneva: United Nations High Commissioner for Refugees (UNHCR).
- UNHCR. (2014). *War Human's Cost: UNHCR Global Trends 2013*. Geneva: United Nations High Commissioner for Refugees (UNHCR).
- Warjio. (2011). *Parti Politik Dakwah Di Indonesia: Ideologi, Strategi Dan Pencapaian Partai Keadilan Sejahtera (PKS) 1998-2009*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Sains Malaysia.
- Weinstein, F. B. (2009). *Indonesian Abandon Confrontation: An Inquiry into the functions of Indonesia Foreign Policy*. Jakarta: Equinox Publishing.
- Wong, O. Y. (2014). *Towards Sustainable Community Development: A Case Study of Homestay Tourism in Sabah*. Master Thesis. University of London.